



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TABUNG UNIT AMANAH
BAHAGIAN 1 - GAMBARAN KESELURUHAN**

KETETAPAN UMUM NO. 7/2013

TARIKH KELUARAN: 28 MEI 2013



**TABUNG UNIT AMANAH
BAHAGIAN 1 - GAMBARAN
KESELURUHAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2013
Tarikh Keluaran: 28 Mei 2013**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 28 Mei 2013

Edisi pertama pada 28 Mei 2013

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



**TABUNG UNIT AMANAH
BAHAGIAN 1 - GAMBARAN
KESELURUHAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2013
Tarikh Keluaran: 28 Mei 2013**

KANDUNGAN

	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Tabung Unit Amanah Di Malaysia	1
5. Rangka Kerja Perundangan Tabung Unit Amanah di Malaysia	3
6. Ciri-Ciri Utama Unit Amanah	4
7. Pengemukaaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	15
8. Cukai Lain	16
9. Glosari	16

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan secara am mengenai tabung unit amanah selain daripada unit amanah pelaburan harta tanah (REIT) dan tabung amanah harta (PTF) berdasarkan kepada garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SS).

2. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2 dan Jadual 6.

3. Interpretasi

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 3.2 "Ketua Pengarah (KP)" bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 3.3 "Orang" termasuk sebuah syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.
- 3.4 "Suruhanjaya Sekuriti" bermaksud Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498].

4. Tabung Unit Amanah Di Malaysia

Unit amanah adalah suatu bentuk skim pelaburan kolektif yang ditubuhkan di bawah suatu surat ikatan amanah. Unit amanah adalah pelaburan *open ended*. Setiap tabung mempunyai mempunyai objektif pelaburan khusus untuk menentukan tujuan dan had pengurusan.

4.1 Tabung unit amanah konvensional

4.1.1 Tabung unit amanah adalah suatu bentuk skim pelaburan kolektif yang mengumpul sumber kewangan daripada pelbagai pelabur untuk tujuan melakukan pelaburan berskala besar dalam pelbagai portfolio saham dan bon atau instrumen kewangan yang lain.

4.1.2 Unit amanah termasuk amanah harta. Amanah harta merujuk kepada unit amanah yang melabur terutamanya dalam harta tanah. Antara jenis tabung unit amanah yang terdapat di Malaysia adalah bon / tabung pendapatan tetap, tabung pasaran wang, *fund-of-funds*, tabung indeks, produk berstruktur, tabung *feeder*, tabung payung, tabung terjamin dan tabung modal dilindungi.

- 4.1.3 Struktur pelbagai kelas untuk tabung unit amanah diperkenalkan mulai dari 1.6.2010 yang membolehkan satu tabung unit amanah menawarkan pelbagai kelas unit amanah dalam satu kumpulan pelaburan. Setiap kelas unit akan mempunyai ciri yang berbeza seperti fi dan caj yang dikenakan dan mata wang yang dipilih. Tabung unit amanah yang mempunyai struktur pelbagai kelas memberi pilihan kepada kumpulan pelabur yang berbeza untuk membuat pilihan bagi pelaburan mereka. Kebenaran untuk memilih mata wang memudahkan pemasaran unit amanah Malaysia kepada pelabur asing di mana mereka dapat melabur secara langsung dalam suatu tabung unit amanah dalam mata wang mereka sendiri tanpa perlu menukar jumlah pelaburan mereka ke dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 4.2 Tabung unit amanah Islam / Tabung unit amanah berdasarkan Syariah
- 4.2.1 Selain daripada tabung unit amanah konvensional yang disebut di atas, tabung unit amanah Islam / tabung unit amanah berdasarkan Syariah juga telah ditubuhkan di Malaysia. Tabung unit amanah Islam adalah skim pelaburan kolektif yang menawarkan peluang kepada pelabur untuk melabur dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Syariah.
- 4.2.2 Objektif tabung unit amanah Islam, seperti mana-mana produk kewangan Islam yang lain dalam pasaran modal Islam (PMI) adalah untuk memastikan pelaburan diizinkan dalam konteks undang-undang Syariah, seperti penghapusan *riba* (faedah), *maisir* (judi) dan *gharar* (ketidakjelasan dan ketidakpastian yang melampau).

4.3 Harga seunit

Harga seunit dalam sebuah tabung unit amanah mencerminkan nilai aset bersih (NAB) seunit dalam tabung tersebut. NAB adalah nilai aset tabung ditolak liabiliti dan dibahagikan dengan jumlah unit diterbitkan. Tidak seperti harga saham, yang boleh berubah dalam setiap transaksi, NAB tabung adalah berdasarkan harga saham ditutup dalam portfolio pada setiap hari diperdagangkan.

Di mana suatu tabung menerbitkan pelbagai kelas unit, harga unit dari mana-mana kelas unit harus dikira dengan merujuk kepada NAB harta tanah tabung dan mengikut peruntukan kedua-dua surat ikatan penyerahan dan prospektus yang terpakai untuk kelas unit itu. Untuk kelas-kelas pendapatan yang berdenominasi dalam mata wang yang berbeza, harga unit mesti disebut dan dibayar mengikut denominasi mata wang dalam kelas-kelas mata wang tersebut.



4.4 Unit amanah bukanlah suatu entiti sah yang berasingan. Unit amanah ditubuhkan apabila surat ikatan amanah disempurnakan oleh pengurus dan pemegang amanah. Pemegang amanah adalah pemilik berdaftar yang sah (memegang hakmilik sah) bagi semua aset unit amanah termasuk harta tanah, saham dalam syarikat dan akaun bank. Semua aset unit amanah dipegang oleh pemegang amanah bagi pihak dan untuk manfaat benefisiari badan amanah yang dikenali sebagai pemegang unit. Dalam erti kata lain, pemegang unit adalah pemilik benefisial semua aset unit amanah.

5. Rangka Kerja Perundangan Tabung Unit Amanah Di Malaysia

- 5.1 Industri unit amanah di Malaysia ditadbir oleh SS yang merupakan satu-satunya badan pengawal dalam pembentukan dan pengoperasian unit amanah di Malaysia.
- 5.2 SS adalah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengembangkan secara sistematik pasaran modal Malaysia. Ia bertanggungjawab menyelia dan mengawasi aktiviti institusi pasaran dan mengawal semua orang yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (APMP).
- 5.3 APMP menggabungkan Akta Industri Sekuriti 1983, Akta Industri Hadapan 1993 dan Bahagian IV daripada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. APMP dan garis panduan tabung unit amanah adalah peraturan perundangan dan garis panduan yang mengawal industri unit amanah dan dirangka untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab pengurus tabung dan pemegang amanah. Garis panduan tabung unit amanah diperkenalkan untuk mengawal industri tabung unit amanah. Hanya tabung unit amanah yang diluluskan oleh SS boleh ditawarkan untuk dijual kepada orang awam.
- 5.4 Garis panduan tabung unit amanah:
- dikeluarkan oleh SS di bawah seksyen 377 APMP,
 - bertujuan menyediakan suasana pengawalan yang akan menjaga kepentingan orang awam yang melabur dan membolehkan industri unit amanah di Malaysia berkembang secara tersusun,
 - diadakan untuk mengurus operasi unit amanah yang ditubuhkan di Malaysia,
 - untuk dipatuhi oleh mana-mana orang yang berniat untuk menubuhkan unit amanah di Malaysia dan mengeluarkan, menawarkan atau menjemput mana-mana orang untuk membeli unit dalam unit amanah, dan

- (e) menjadi sebahagian daripada rangka kerja pengawalan unit amanah di Malaysia dan mesti dibaca bersama undang-undang sekuriti.
- 5.5 Peningkatan kesedaran dan permintaan untuk pelaburan mengikut prinsip Islam pada skala global telah mengembangkan PMI di Malaysia. PMI berfungsi sebagai pasaran modal sejajar dengan pasaran modal konvensional untuk kedua-dua pencari dan pembekal modal. PMI merujuk kepada pasaran modal di mana aktiviti dijalankan mengikut prinsip Islam. Untuk tujuan ini, Majilis Penasihat Syariah (MPS) ditubuhkan pada tahun 1996 terutama untuk memberikan nasihat kepada SS mengenai hal berkaitan Syariah dan untuk memberikan panduan Syariah berhubung transaksi dan aktiviti PMI, yang bertujuan untuk menstandardkan dan mengharmonikan aplikasi. Di antara produk pasaran modal yang ada adalah unit amanah Islam.
- 5.6 Untuk penubuhan tabung Islam berdasarkan prinsip Syariah, garis panduan tabung unit amanah perlu dibaca bersama garis panduan pengurusan tabung Islam, garis panduan fungsi pematuhan untuk pengurus tabung dan semua panduan yang relevan terpakai sebagaimana yang disyaratkan dalam APMP.
- 5.7 Pengurus tabung dari unit amanah yang menjalankan perniagaan pengurusan tabung Islam di bawah tetingkap Islam juga dikehendaki mematuhi semua panduan yang relevan sebagaimana ditetapkan oleh SS. Tetingkap Islam bermaksud pemegang lesen perkhidmatan pasaran modal (pengurus tabung) yang menjalankan perniagaan pengurusan tabung Islam bersama dengan perniagaan pengurusan tabung konvensional.

6. Ciri-Ciri Utama Unit Amanah

6.1 Struktur unit amanah


- 6.1.1 Pengurusan unit amanah adalah hubungan tiga pihak antara pelabur (pemegang unit), pemegang amanah dan syarikat pengurusan (pengurus tabung) dalam unit amanah. Syarat dan keadaan hubungan ini secara khusus ditakrifkan dalam surat ikatan amanah unit amanah yang secara efektif membentuk perlembagaan tabung dan memperincikan cara tabung tersebut beroperasi. Surat ikatan amanah disediakan oleh pengurus tabung dan berdaftar dengan SS. SS meluluskan perlantikan pengurus tabung dan pemegang amanah daripada unit amanah.

Pengurus tabung menjalankan amanah bagi mendapatkan keuntungan. Pemegang amanah memastikan pengurus tabung

fokus kepada objektif pelaburan tabung dan menjaga aset amanah. Pemegang unit mempunyai hak kepada aset amanah.

- 6.1.2 Berdasarkan seksyen 294, APMP, surat ikatan harus mengandungi peruntukan tersebut, perjanjian, syarat-syarat, maklumat dan butiran yang ditentukan oleh SS dan tidak boleh mengandungi syarat-syarat yang merugikan kepentingan mana-mana pemegang unit atau pemegang unit setiap kelas unit (apabila diperlukan).
- 6.1.3 Setiap unit amanah mempunyai pemegang amanahnya sendiri. Walau bagaimanapun ianya bukanlah suatu amalan yang luar biasa bagi syarikat pengurusan unit amanah untuk melantik hanya seorang pemegang amanah sahaja untuk semua tabung untuk memudahkan pentadbiran. Pemegang amanah boleh terdiri daripada mana-mana pemegang amanah bebas daripada Malaysia atau mana-mana pemegang amanah bebas syarikat. Peranan utama pemegang amanah adalah untuk memastikan terma surat ikatan tabung dipatuhi. Syarikat pengurusan akan berurus dengan pemegang amanah, yang akan memastikan perjalanan harian amanah, akaun tabung, penilaian dan pengiraan harga unit dijalankan dengan betul dan selaras dengan kedua-dua surat ikatan dan peraturan yang ditetapkan oleh SS.
- 6.1.4 Skim unit amanah Islam dikehendaki melantik jawatankuasa Syariah atau penasihat Syariah sebagaimana ditetapkan dalam garis panduan unit amanah yang diterbitkan oleh SS untuk memastikan bahawa operasi mereka adalah mengikut prinsip Syariah. Skim unit amanah Islam terdapat dalam berbagai bentuk serupa seperti unit amanah konvensional kecuali pelaburan adalah patuh Syariah.

Gambar Rajah Struktur Asas Tabung Unit Amanah Konvensional Di Malaysia





**TABUNG UNIT AMANAH
BAHAGIAN 1 - GAMBARAN
KESELURUHAN**


LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2013
Tarikh Keluaran: 28 Mei 2013**

Fungsi *stakeholder* bagi unit amanah konvensional adalah seperti berikut:

Stakeholder	Fungsi
Syarikat Pengurusan	Menubuhkan, menjalankan operasi dan mentadbir tabung. Yuran pengurusan dibayar sebagai balasan.
Pemegang Amanah	Bertindak bagi pihak pemegang unit.
Jawatankuasa Pelaburan	Dilantik oleh syarikat pengurusan untuk melaksanakan dan mengawasi polisi - pengurusan dan pengoperasian tabung.

**Gambar Rajah Struktur Asas Tabung Unit Amanah Berasaskan Syariah
Di Malaysia**



Fungsi *stakeholder* bagi unit amanah Islam adalah seperti berikut:

Stakeholder	Fungsi
Syarikat Pengurusan	Menubuhkan, menjalankan operasi dan mentadbir tabung. Yuran pengurusan dibayar sebagai balasan.
Pemegang Amanah	Bertindak bagi pihak pemegang unit.
Jawatankuasa Pelaburan	Dilantik oleh syarikat pengurusan untuk melaksanakan dan mengawasi polisi - pengurusan dan pengoperasian tabung.
Penasihat Syariah	Mengawasi pelaburan tabung adalah patuh Syariah

6.2 Aktiviti pelaburan unit amanah konvensional

6.2.1 Harta tabung harus relevan dan konsisten dengan objektif pelaburan, surat ikatan amanah, prospektus tabung, garis panduan tabung unit amanah dan undang-undang sekuriti.

6.2.2 Menurut garis panduan tabung unit amanah, pelaburan tabung hanya boleh terdiri daripada:

- (a) sekuriti boleh dipindahmilik (iaitu ekuiti, bon dan waran). Pelaburan dalam sekuriti yang tidak disenaraikan adalah tertakluk kepada had pelaburan tertentu. Waran harus membawa hak yang berkaitan dengan sekuriti yang diperdagangkan atau di bawah kaedah pasaran yang layak,
- (b) tunai, deposit dengan institusi kewangan dan instrumen pasaran wang,
- (c) unit / saham dalam skim pelaburan kolektif yang lain,
- (d) terbitan tersenarai di bursa atau di kaunter,
- (e) pelaburan dalam produk berstruktur, dan
- (f) pelaburan di pasaran luar negeri yang layak di mana pihak kuasa pengawal adalah ahli Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti.

6.2.3 Tabung tersebut boleh mengambil bahagian dalam memberi pinjaman sekuriti jika dibenarkan di bawah surat ikatan amanah dan disiarkan dalam prospektus. Pinjaman sekuriti yang diberikan mesti mematuhi garis panduan sekuriti meminjam dan pinjamkan dan pihak berkuasa yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan tabung unit amanah.

6.3 Aktiviti pelaburan unit amanah Islam

6.3.1 Penentuan sama ada sesuatu saham tertentu mengikut prinsip Islam atau tidak adalah berdasarkan kepada punca pendapatan yang diterima oleh syarikat.

6.3.2 Pengurus tabung Islam harus memastikan bahawa:

- (a) semua bentuk pelaburan adalah terhad kepada pelaburan patuh Syariah,
- (b) wang dan harta tanah pelanggan dijaga dengan selamat di bawah undang-undang sekuriti mengikut keperluan Syariah, dan
- (c) teknik dan alat pengurusan risiko yang berpatutan dilakukan mengikut prinsip Syariah dan disahkan oleh penasihat yang dilantik.

6.4 Sekatan dan had pelaburan

Sekatan dan had pelaburan sebagaimana ditetapkan dalam garis panduan tabung unit amanah harus dipatuhi berdasarkan penilaian pelaburan tabung yang paling terkini. Dalam kes tabung Islam, semua pelaburan perlu mematuhi prinsip Syariah.

6.5 Pelaburan yang tidak selaras dengan Syariah di dalam tabung unit amanah

6.5.1 Kriteria umum dalam menilai status sekuriti Syariah yang diluluskan adalah syarikat itu tidak terlibat dalam aktiviti teras seperti berikut:

- (a) perkhidmatan kewangan yang berasaskan *riba* (faedah),
- (b) perjudian,
- (c) pengeluaran atau penjualan barang tidak halal atau barang yang berkaitan,
- (d) insurans konvensional,
- (e) aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan Syariah,

- (f) pengeluaran atau penjualan barang yang berasaskan tembakau atau barang yang berkaitan,
- (g) pemberkeran atau jual beli sekuriti yang tidak mematuhi Syariah, dan
- (h) aktiviti lain yang dianggap tidak selaras dengan Syariah.

6.5.2 Bagi syarikat yang menjalankan aktiviti yang terdiri daripada kedua-dua elemen iaitu yang selaras dan yang tidak selaras dengan Syariah, jawatankuasa Syariah / penasihat Syariah perlu mempertimbangkan dua kriteria tambahan:

- (a) pandangan masyarakat umum atau imej syarikat berkenaan mestilah baik,
- (b) aktiviti teras syarikat adalah penting dan dianggap *maslahah* (untuk kepentingan awam) kepada *ummah* Islam (bangsa) dan negara, dan unsur-unsur yang tidak dibenarkan mesti minima dan melibatkan hal-hal seperti *'umum balwa* (keadaan umum dan sukar dielakkan) dan *uruf* (adat).

6.5.3 Untuk menentukan tahap yang boleh dipertimbangkan bagi aktiviti yang bercampur iaitu daripada aktiviti yang selaras dan yang tidak selaras dengan Syariah terhadap perolehan dan keuntungan sebelum cukai bagi sesebuah syarikat, MPS telah menetapkan beberapa syarat tertentu mengikut *ijtihad* (proses mengeluarkan pendapat daripada sumber Syariah oleh ulama yang layak). Sekiranya aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, sekuriti syarikat tidak akan diklasifikasikan sebagai patuh Syariah.

6.6 Pendapatan unit amanah

6.6.1 Faedah

Pendapatan faedah yang diterima dinilai dan dikenakan cukai kecuali pengecualian diberikan kepada unit amanah, seperti:

- (a) apa-apa sijil simpanan yang diterbitkan oleh Kerajaan [peranggan 19, Jadual 6 ACP 1967],
- (b) sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh kerajaan [subperenggan 35(a), Jadual 6 ACP 1967],
- (c) debentur atau sekuriti Islam, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti [subperenggan 35(b), Jadual 6 ACP 1967],

- (d) Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia [subperenggan 35(d), Jadual 6 ACP 1967],
- (e) faedah yang diterbitkan daripada Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983 [subperenggan 35A, Jadual 6 ACP 1967],
- (f) bon dan sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2001 [P.U.(A) 220/2001],
- (g) sekuriti Islam (termasuk sukuk) yang berasal daripada Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, diterbitkan dalam mana-mana mata wang selain daripada ringgit dan diluluskan oleh suruhanjaya sekuriti atau Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan [subperenggan 33B, Jadual 6 ACP 1967],
- (h) apa-apa pendapatan yang diterima oleh tabung daripada sukuk terbitan yang telah diterbitkan oleh Malaysia Global Sukuk Inc. [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 31) 2002], dan
- (i) apa-apa pendapatan yang diterima oleh tabung daripada sukuk *ijarah*, selain daripada stok pinjaman boleh ubah, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh 1Malaysia Sukuk Global Berhad – [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2010].

6.6.2 Laba atau keuntungan sebagai gantian kepada faedah

Tabung unit amanah berdasarkan Syariah dilarang mengambil bahagian dalam pelaburan yang melibatkan faedah (*riba*).

Walau bagaimanapun, mengikut subseksyen 2(7) ACP 1967, apa-apa rujukan kepada faedah hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan oleh tabung Islam, sebagai gantian kepada faedah dalam transaksi yang dijalankan mengikut prinsip Syariah. Dengan kata lain, apa-apa laba atau keuntungan yang diterima oleh tabung Islam dan perbelanjaan yang dilakukan, sebagai gantian kepada

faedah dalam transaksi yang dilakukan yang selaras dengan prinsip Syariah akan diberikan layanan yang sama seolah-olah ianya faedah.

6.6.3 Dividen

- (a) Sistem satu peringkat diperkenalkan mulai 1.1.2008 dan semua dividen yang diagihkan oleh syarikat mastautin dikecualikan cukai di Malaysia.
- (b) Unit amanah juga menerima dividen yang dikecualikan cukai. Dividen yang dikecualikan cukai boleh diterima daripada pelaburan dalam syarikat yang pernah menikmati atau sedang menikmati pelbagai jenis insentif yang dibenarkan di bawah undang-undang yang relevan.

6.6.4 Pendapatan daripada unit amanah yang diluluskan

Menurut Perintah Cukai Pendapatan (No.12) 1985, jika suatu unit amanah diluluskan oleh Menteri Kewangan mempunyai 90% atau lebih pelaburannya dalam sekuriti Kerajaan dan bakinya dalam surat-surat perdagangan –

- (a) pendapatan unit amanah tersebut akan dikecualikan, dan
- (b) dividen yang diterima dari unit amanah tersebut oleh individu bermastautin juga akan dikecualikan.

Surat perdagangan bermaksud surat perjanjian hutang, draf perdagangan, penerimaan bank, penerimaan perdagangan dan suratcara kredit yang seumpamanya yang dikeluarkan oleh bank atau firma perniagaan dalam membiayai operasi mereka.

6.6.5 Sewa

Unit amanah termasuk amanah harta tanah yang tidak dianggap sebagai REIT/PTF. Pendapatan sewa bagi unit amanah selain REIT/PTF daripada penyewaan harta merupakan sebahagian daripada jumlah pendapatan amanah harta tanah.

6.6.6 Pengurusan Danaharta Nasional Berhad / Danaharta Urus Sdn Bhd

Berdasarkan Pengecualian Cukai Pendapatan (No.6) Order 2003, mulai daripada tahun taksiran 1999, diskaun atau keuntungan yang diterima daripada penjualan bon atau sekuriti yang dikeluarkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad / Danaharta Urus Sdn Bhd di dalam dan di luar Malaysia adalah dikecualikan cukai.

6.6.7 Keuntungan daripada realisasi pelaburan

Mengikut perenggan 61(1)(b) ACP 1967, keuntungan daripada realisasi pelaburan oleh unit amanah tidak akan dianggap sebagai pendapatan tabung dan tidak tertakluk kepada cukai.

6.6.8 Pendapatan asing

Tabung boleh menerima dividen, faedah dan pendapatan lain daripada pelaburan di luar Malaysia. Mulai daripada tahun taksiran 1998, pendapatan yang diperolehi daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh unit amanah yang bermastautin di Malaysia adalah dikecualikan cukai pendapatan.

6.7 Fi dan perbelanjaan unit amanah

Menurut garis panduan tabung unit amanah -

- (a) suatu syarikat pengurusan dan pemegang amanah hanya boleh dibayar dengan cara bayaran tahunan yang dicaj kepada tabung jika diizinkan oleh surat ikatan tabung unit amanah dan disiarkan dengan jelas dalam prospectus, dan
- (b) Hanya kos yang berkaitan secara langsung dan yang diperlukan dalam pengoperasian dan pentadbiran tabung boleh dibayar daripada tabung. Di antara perbelanjaan tersebut adalah:
 - (i) komisen / fi yang dibayar kepada broker / dealer dalam menjalankan transaksi dalam harta tanah tabung, ditunjukkan dalam nota kontrak atau nota pengesahan atau akaun yang berasingan,
 - (ii) kos / fi yang dibayar kepada *sub-custodian* di mana fungsi penjagaan telah diserahkan oleh pemegang amanah,
 - (iii) cukai dan duti lain yang dicaj kepada tabung oleh pihak kerajaan dan lain-lain pihak,
 - (iv) fi dan lain-lain perbelanjaan yang sebenarnya dilakukan oleh juruaudit yang dilantik untuk mengendalikan tabung,
 - (v) fi untuk penilaian bagi apa-apa pelaburan yang dibuat oleh tabung oleh penilai bebas untuk kepentingan tabung,



**TABUNG UNIT AMANAH
BAHAGIAN 1 - GAMBARAN
KESELURUHAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2013
Tarikh Keluaran: 28 Mei 2013**

- (vi) kos yang dilakukan untuk mengubahsuai surat ikatan amanah tabung selain daripada untuk kepentingan syarikat pengurusan atau pemegang amanah,
- (vii) kos yang dikeluarkan untuk mengadakan apa-apa mesyuarat bagi pemegang unit selain daripada yang diadakan untuk kepentingan syarikat pengurusan atau pemegang amanah, dan
- (viii) senarai bayaran untuk penyenaraian di Bursa Malaysia.

7. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)

Unit amanah / Amanah harta tanah (selain daripada REIT/PTF) dikehendaki memfailkan BNCP TC dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh selepas penutupan tempoh perakaunan.

Contoh 1

Unit Amanah ABC mula beroperasi pada 1.11.2010 dan menyediakan akaun hingga 30.6.2011. Unit amanah menyediakan akaun selanjutnya hingga 30 Jun setiap tahun.

Tempoh asas untuk tahun taksiran adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2010	01.11.2010 hingga 31.12.2010
2011	01.01.2011 hingga 31.12.2011
2012	01.07.2011 hingga 30.06.2012
2013	01.07.2012 hingga 30.06.2013

Tarikh pengemukaan BNCP TC adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukaan BNCP
2010	01.11.2010 hingga 31.12.2010	31.1.2012
2011	01.01.2011 hingga 31.12.2011	31.1.2013
2012	01.07.2011 hingga 30.06.2012	31.1.2013
2013	01.07.2012 hingga 30.06.2013	31.1.2014

8. Cukai Lain

Keuntungan daripada pelupusan unit pelaburan termasuk harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah tidak dianggap sebagai pendapatan unit amanah dan oleh itu tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Menurut subseksyen 2(1) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, definisi **keuntungan** telah diperluaskan untuk memasukkan keuntungan yang terakru kepada unit amanah daripada pelupusan harta tanah. Dalam perkataan lain, walaupun keuntungan daripada pelupusan unit pelaburan termasuk harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah adalah tidak dikenakan cukai pendapatan, ia mungkin tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). CKHT juga dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan apa-apa aset (harta tanah) yang boleh dikenakan cukai oleh mana-mana orang kepada unit amanah selain daripada REIT/PTF yang diluluskan oleh SS.

9. Glosari

- 9.1 "Agihan" merujuk kepada agihan pendapatan oleh tabung unit amanah kepada pemegang unitnya.
- 9.2 "Amanah pelaburan harta tanah atau tabung harta tanah" (REIT/PTF) bermaksud skim amanah yang layak sebagai amanah pelaburan harta tanah atau tabung harta tanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- 9.3 "Dividen" termasuk pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah.
- 9.4 "Kelas unit" berkaitan amanah unit bermaksud dua atau lebih kelas unit yang mewakili kepentingan yang sama dalam aset tabung.
- 9.5 "Pemegang unit" bermaksud pemegang unit tabung unit amanah
- 9.6 "Tabung" bermaksud unit amanah atau unit amanah Islam.
- 9.7 "Tabung payung" bermaksud tabung yang mempunyai sekurang-kurangnya dua tabung di bawahnya.
- 9.8 "Tabung unit amanah" bermaksud mana-mana skim unit amanah selain daripada amanah pelaburan harta tanah / tabung amanah harta di mana apa-apa peraturan dibuat untuk tujuan atau mempunyai kesan, dalam menyediakan kemudahan untuk penyertaan orang sebagai beneficiari di bawah suatu amanah yang menerbitkan keuntungan atau pendapatan daripada pengambil alihan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan -
 - (a) sekuriti,
 - (b) kontrak hadapan, atau



**TABUNG UNIT AMANAH
BAHAGIAN 1 - GAMBARAN
KESELURUHAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2013
Tarikh Keluaran: 28 Mei 2013**

- (c) lain-lain harta yang dibenarkan di bawah undang-undang berkaitan atau garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti berkaitan unit amanah, dan termasuk tabung di bawah tabung payung.
- 9.9 "Tabung unit amanah Islam atau tabung unit amanah berdasarkan Syariah" bermaksud skim unit amanah yang diuruskan dan dikendalikan mengikut prinsip Syariah.
- 9.10 "Undang-Undang Sekuriti" bermaksud Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453], dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
- 9.11 "Unit" berkaitan tabung unit amanah bermaksud pengukuran suatu hak kepentingan pemegang unit dalam tabung unit amanah.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**